

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilakukan untuk mengurangkan masalah *parking* yang semakin meruncing berlaku di hospital-hospital Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sedar terdapat kekangan serta terdapat keperluan untuk menaiktaraf tempat letak kereta sedia ada kepada tempat letak kereta bertingkat di hospital - hospital Kerajaan diseluruh negara.

Kos bagi membina dan menyelenggara tempat letak kereta bertingkat adalah agak tinggi. Berdasarkan keadaan peruntukan yang terhad pada waktu ini, Kerajaan berhasrat untuk membina tempat letak kereta bertingkat secara *Public Private Partnership* (PPP) dengan kaedah *Built -Operate -Transfer* (BOT).

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek tempat letak kereta bertingkat ini secara projek perintis di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) Klang. Sekiranya projek ini berjaya, pembinaan tempat letak kereta bertingkat menggunakan kaedah BOT ini akan diperluaskan kepada hospital - hospital lain yang juga memerlukan perkhidmatan seumpama ini.